

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[ PADANG BESAR ]**  
**TARIKH : 20 MAC 2014**  
**SOALAN : 03**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan doktor / pegawai perubatan yang bertugas termasuk tambahan katil observasi supaya pesakit yang meminta rawatan di Unit Kecemasan Hospital dan Pusat Kesihatan diberikan rawatan secepat mungkin
- (b) adakah kementerian bercadang supaya rakyat berpendapatan rendah atau anak-anak rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan pembedahan dan rawatan pakar diberikan bantuan pengecualian kos secara cepat dan tidak terhalang oleh prosedur birokrasi yang tidak munasabah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa ini pengisian jawatan pegawai perubatan Jabatan Kecemasan dan Trauma di kebanyakan hospital-hospital Kerajaan telah hampir penuh. Pihak hospital melalui Kementerian akan membuat permohonan pertambahan jawatan kepada Agensi Pusat selaras dengan pertambahan bilangan pesakit dan beban tugas di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

KKM sentiasa berusaha dalam meningkatkan perkhidmatan rawatan kecemasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh Malaysia. Bagi memastikan Jabatan Kecemasan sentiasa bersedia 24 jam setiap hari, bilangan pegawai perubatan adalah dipastikan mencukupi dan perkhidmatan Klinik Rawatan Selepas Waktu Pejabat juga disediakan bagi menampung peningkatan pesakit yang memerlukan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 hingga RM10 juta setahun sejak 2011 hingga 2013 bagi pembelian aset untuk Jabatan Kecemasan dan Trauma termasuklah katil untuk wad pemerhatian supaya rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dapat diberikan dengan cara yang lebih berkesan. Peruntukan juga diberikan untuk pengubahsuaian atau naiktaraf struktur di Jabatan Kecemasan dan Trauma supaya rawatan kecemasan dapat diberikan dalam suasana yang lebih kondusif.

Jumlah keseluruhan katil observasi di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital – hospital utama adalah berjumlah 542 buah katil.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi memastikan pelaksanaan pengecualian caj rawatan kesihatan dilaksanakan dengan cepat, teratur dan tidak terhalang oleh prosedur birokrasi, selain daripada Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah/Pegawai Pergigian Kanan kuasa pemberian pengecualian juga telah diperturunkan kepada pegawai-pegawai daripada kalangan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan hospital/klinik kesihatan dan klinik pergigian.